

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JEN. DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

**SEMPENA PELANCARAN**

**SANGGAR BUDAYA DAN PROGRAM INOVASI SOSIAL 2011**

**\*9 DISEMBER 2011\*KAMPUS ALAM UniMAP\***

Bismillahirranmanirrahim.

Mengadap Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP, dan Raja Puan Muda Perlis, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akshah merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun.

Patik, mewakili sekalian Warga UniMAP merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua untuk bercemar duli hadir bagi menyempurnakan majlis pelancaran program Sanggar Budaya dan Program Inovasi Sosial pada pagi ini.

Sesungguhnya, kehadiran Duli Tuanku berdua amat besar ertinya buat patik-patik sekalian, apatah lagi program Sanggar Budaya ini merupakan program yang dianjurkan buat julung kalinya dengan penyertaan pelajar-pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Ampun Tuanku,

Izini patik meneruskan ucapan kepada sekalian tetamu yang hadir.

Yang Berhormat Tuan Japferi Othman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, wakil kepada YAB Menteri Besar Perlis.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia Profesor Mohamed Zaki Ewiss, Kaunselor, Kebudayaan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Nahda (NUB), Mesir

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti.

Yang Berusaha Encik Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP

Pengerusi JKKK kampung, wakil-wakil penduduk, peserta-peserta program Sanggar Budaya dan Program Inovasi Sosial

Wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahamtualhi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

**Tinggi lah tinggi terbangnya helang,**

**Hinggap bertenggek di hujung dahan,**

**Ahlan Wasahlan dan Selamat Datang**

**Ke Kampus Alam Kampus Kejuruteraan.**

1. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya jua, program 2 dalam 1 ini dapat dilaksanakan pada pagi yang berbahagia ini.
2. Meskipun kedua-dua program pada pagi ini mempunyai khalayak peserta yang berbeza yang mana Program Inovasi Sosial bakal disertai oleh pelajar-pelajar tahun 1 dan 2 UniMAP manakala program Sanggar Budaya disasarkan kepada pelajar antarabangsa dari seluruh negara.
3. Namun, kedua-duanya tetap berkongsi matlamat penganjuran yang sama yakni untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing serta mempunyai pemikiran yang kritis dan inovasi dan pada masa sama menjadi ejen perhubungan antara universiti dan masyarakat.

4. Melalui kedua-dua program ini juga, para peserta dapat belajar dan memahami cara hidup penduduk kampung tersebut disamping dapat mengeratkan lagi hubungan antara pelajar dan keluarga angkat masing-masing.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. UniMAP berasa amat bertuah kerana dipilih sebagai pengajur buat julung kalinya bagi Program Sanggar Budaya yang menghimpunkan 11 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari seluruh negara dengan bilangan peserta seramai 82 pelajar antarabangsa. Kesemua 82 pelajar ini akan digabungkan dengan 120 orang pelajar antarabangsa UniMAP untuk diserahkan kepada 100 keluarga membabitkan 4 buah kampung.
6. Saya difahamkan empat buah kampung yang terlibat bagi program ini ialah Felda Chuping Selatan, Kampung Chemormak, Kampung Simpang 3 Dato' Kayaman dan Kampung Ujong Bukit.
7. Pastinya sesuatu yang unik apabila peserta Sanggar Budaya yang datang dari pelbagai negara antaranya Somalia, Palestin, Iraq, Pakistan, Indonesia, Nigeria, Syria, Mauritius, Iran, Tanzania, Uzbekistan, Mozambique, Bosnia dan Botswana menjalani kehidupan bersama masyarakat di negeri Perlis ini.

8. Namun, inilah sebenarnya cabaran untuk peserta-peserta antarabangsa ini. Selain mempelajari dan mendalami Bahasa Melayu, anda sebenarnya akan turut didedahkan dengan budaya dan tradisi masyarakat melayu merangkumi makanan, pakaian, kebudayaan dan kesenianan serta cara hidup dan adat resam.
9. Mungkin ada antara anda yang akan melalui pengalaman kali pertama untuk tinggal bersama masyarakat desa. Tidak mustahil akan ada peserta yang bakal turun ke sawah, menoreh getah atau mungkin ada juga yang bakal merasai keseronokan bercucuk tanam bersama keluarga angkat masing-masing. Harapan saya, agar anda semua dapat menjayakan program ini dengan baik tanpa sebarang masalah. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. UniMAP telah menempa kejayaan yang membanggakan dalam tempoh dua minggu ini bagi dua program utama membabitkan pelajar antarabangsa. Suka saya berkongsi di sini, pelajar-pelajar antarabangsa UniMAP telah menujuarai pertandingan nyanyian dan tarian 1 World Culture yang diadakan di Kolej Universiti Nilai baru-baru ini.

11. Kejayaan itu diteruskan dengan kemenangan dua pelajar antarabangsa UniMAP, Shehabaddin Galal Hael dan Syafira Amadea dalam Pertandingan Akhir Lagu Melayu Antarabangsa 2011 di Kuala Lumpur Ahad lalu. Shehabaddin dinobatkan sebagai juara kategori lelaki manakala Syafira pula menduduki tempat ketiga kategori wanita. Dan hari ini, mereka akan bersama anda semua untuk menjadi peserta program Sanggar Budaya ini. Kejayaan ini bukti nyata penerapan nilai budaya dan estetika Melayu telah diterapkan dengan baik di kalangan mahasiswa UniMAP. Justeru, dengan kemahiran dan kelebihan yang kami ada ini, kami akan berkongsi pula dengan keseluruhan peserta Sanggar Budaya.
12. Melaut impian saya untuk melihat program ini dapat mewujudkan satu ruang bagi meningkatkan kompetensi dan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar antarabangsa serta mendedahkan mereka kepada budaya masyarakat Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Program inovasi sosial pula bukanlah program baru di UniMAP. Apatah lagi program ini, yang sebelum ini dikenali sebagai Baktisiswa Perdana telah empat tahun berturut-turut diiktiraf oleh Malaysia Book Of Records dengan penglibatan keluarga teramai.

14. Justeru, pada tahun ini, UniMAP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menjenamakan semula program ini dengan suntikan elemen baru iaitu kreativiti dan inovasi. Ianya juga adalah selaras dengan Strategi Lautan Biru UniMAP iaitu untuk mengembangkan budaya inovasi dan kreativiti bukan sahaja di kalangan pelajar malah membabitkan masyarakat juga. Dan atas dasar itu juga, pada tahun ini, setiap kampung yang terlibat (Keseluruhannya 55 buah kampung) akan bergabung tenaga dengan 2,955 peserta program untuk menghasilkan produk inovasi di kampung masing-masing.
15. Saya percaya, dengan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar-pelajar UniMAP yang sebahagian besarnya berteraskan kejuruteraan dan teknologi, pelbagai produk inovasi dapat diketengahkan untuk manfaat bersama. Melihat kepada senarai perancangan produk inovasi yang telah dikemukakan sebelum ini, sesungguhnya saya merasa tidak sabar untuk melihat penghasilan cecair sebaguna enzim sampah, penghasilan tepung dari bahan buangan buah-buahan, produk kraftangan menggunakan hasil sisa pertanian, produk kraftangan dari daun getah dan pelbagai produk lainnya lagi. Tidak ketinggalan saya difahamkan, mahasiswa PPK Komputer dan Perhubungan pula akan membantu Kampung Ujong Bukit untuk membina laman facebook dan website mereka sendiri.

16. Marilah sama-sama kita berdoa semoga usaha dan inisiatif yang direncanakan ini mampu direalisasikan. Insya Allah produk-produk ini akan dipamerkan pada Majlis Ramah Mesra Mega yang akan dianjurkan di Dewan Capitol malam esok.
17. Akhir kata, saya mengharapkan kesemua peserta yang menyertai kedua-dua program ini dapat menjaga nama baik dan imej Universiti dalam menjalani kehidupan seharian selama tiga hari ini. Manfaatkan setiap masa yang dimiliki dengan sebaik mungkin untuk anda mengenali dan merapatkan ukhuwah dengan masyarakat di negeri Perlis ini.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Patik sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan duli Tuanku Berdua bercemar duli hadir menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.

Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.